

23 SEP 2003

Syed Hamid-Mahathir (Bergambar)/I

DR MAHATHIR AKAN BERUCAP KALI TERAKHIR DI PBB KHAMIS INI

Oleh: Salmu Hashim

NEW YORK, 23 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan terakhirnya di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada sesi perhimpunan agung PBB (UNGA) ke-58 Khamis ini, dengan penekanan terhadap soal keamanan dan keselamatan antarabangsa.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Perdana Menteri dijangka akan menyentuh pelbagai isu termasuk Iraq selepas perang, kegagalan persidangan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Cancun dan konflik Palestin-Israel.

"Dr Mahathir akan menyampaikan cenderamata Malaysia kepada PBB yang menggambarkan kedaulatan Malaysia semasa perjumpaan dengan Setiausaha Agung PBB Kofi Annan," kata Syed Hamid pada sidang media di pejabat Wakil Tetap Malaysia ke PBB di sini hari ini.

Perhimpunan agung kali ini dijangka akan dihadiri lebih 60 ketua negara dan kerajaan. PBB mempunyai 191 anggota.

Dr Mahathir yang dijadual berjumpa Annan, Khamis, dijangka akan bertukar-tukar pandangan dengan Setiausaha Agung PBB itu mengenai isu serantau dan antarabangsa serta peranan PBB di Iraq.

Perdana Menteri juga dijadual berjumpa Presiden UNGA, Julian Hunte dari St Lucia dan perbincangan akan ditumpukan terhadap penstrukturan UNGA serta ketelusan dan demokrasi PBB.

Syed Hamid berkata dua isu itu dijangka menarik ekoran kejayaan GA meluluskan resolusi mendesak Israel menarik balik keputusan Kabinet Keselamatannya untuk mengusir Arafat dari Palestin.

"GA mempunyai peranan penting dalam keamanan dan keselamatan antarabangsa," kata Syed Hamid.

Mengenai persoalan Iraq, Syed Hamid berkata menteri-menteri luar Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) akan membincangkannya pada perjumpaan NAM di sini dan juga mengenai Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur bulan depan.

Beliau berkata Dr Mahathir juga dijadual mengadakan dialog dengan sekumpulan ulama semasa di sini, selain mengadakan perjumpaan dua hala dengan Presiden Filipina Gloria Arroyo.

Malaysia telah diminta menghantar pasukan pemerhati bagi rundingan damai antara kerajaan Filipina dan Pertubuhan Pembebasan Islam Moro (MILF).

-- BERNAMA

SH HS AO MOZ